

## *Kenyataan Media*

15 Mac 2017

*Untuk siaran segera*

### **MALAYSIA AIRPORTS JALIN KERJASAMA DENGAN CYBERSECURITY MALAYSIA, TERUS KOMITED PERKASA KESELAMATAN LAPANGAN TERBANG**

**SEPANG** – Malaysia Airports dan CyberSecurity Malaysia hari ini telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi menjalin satu kerjasama dalam bidang keselamatan siber bagi memperkasa keselamatan siber terutama berkaitan system IT di lapangan terbang dalam sebuah majlis yang berlangsung di Hotel Sama-Sama KLIA, tengahari tadi.

Melalui persefahaman ini, CyberSecurity Malaysia yang merupakan peneraju kepakaran keselamatan siber negara telah bersetuju untuk menyediakan perkhidmatan kepada Malaysia Airports bagi memperkukuhkan tahap keselamatan siber yang akan dijalankan secara berperingkat. Antara perkhidmatan yang akan disediakan merangkumi khidmat nasihat berkaitan keselamatan siber dalam perancangan dan halatuju teknologi pemprosesan data atau maklumat (IT), pengurusan insiden keselamatan siber, forensik digital, pembangunan kompetensi dan keupayaan dalam bidang keselamatan siber, program kesedaran dan pembudayaan keselamatan siber, jaminan keselamatan (*Security Assurance*) dalam talian dan pensijilan produk keselamatan siber. Aspek keselamatan siber ini merupakan sebahagian usaha Malaysia Airport dalam memastikan tahap keselamatan di ke semua lapangan terbang di bawah kendaliannya sentiasa berada ditahap yang optimum dan terbaik.

Majlis menandatangani MoU itu disempurnakan oleh Datuk Badlisham Ghazali, Pengarah Urusan Malaysia Airports dan Dato' Dr. Haji Amirudin Bin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia sambil disaksikan oleh Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang berada di situ untuk satu lawatan kerja. Timbalan Perdana Menteri juga sempat meninjau latihan 'Table Top' keselamatan dan kecemasan Malaysia Airports dalam menangani insiden keganasan.

## **Kenyataan Media**

Sesi latihan 'Table Top' keselamatan dan kecemasan Malaysia Airports ini diadakan secara berkala daripada semasa ke semasa dan yang terbaru ini merupakan lanjutan latihan berskala penuh menangani insiden keganasan yang telah dijalankan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu lewat tahun lepas. Latihan-latihan sebegini melibatkan kesemua pihak-pihak berkepentingan di lapangan terbang termasuk syarikat penerbangan dan pihak berkuasa. Ia bertujuan untuk memperkemas persediaan serta menilai kemampuan dan keupayaan agensi-agensi terbabit dalam menangani sebarang situasi keselamatan dan ancaman di lapangan terbang. Latihan keselamatan ini juga adalah selaras dengan undang-undang yang ditetapkan oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO).

###

### **About Malaysia Airports**

*Malaysia Airports manages and operates 39 airports in Malaysia and one international airport in Istanbul, Turkey. The 39 airports in Malaysia comprise 5 international airports, 16 domestic airports and 18 Short Take-Off and Landing Ports (STOLports). It also provides airport management and technical services for the development, operation, maintenance and management of overseas international airports. On November 30, 1999, Malaysia Airports became the first airport company to be listed in Asia.*

*KL International Airport (KLIA), its flagship airport was recently voted as SkyTrax 3<sup>rd</sup> Best Airport in the 40-50 million pax per year. In 2014, it received the Large Airport of The Year at the CAPA Awards for Excellence in Asia Pacific Aviation 2014. With the inclusion of klia2 – the world's largest terminal dedicated to low-cost carriers, KLIA is on its way to position itself as the preferred ASEAN hub. Over the years, Malaysia Airports and the airports it manages have also received numerous other awards that acknowledged its commitment towards excellence in various areas such as service, engagement, corporate responsibility and governance. MAHB is listed on the Main Board of Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Malaysia")*

*Issued by Corporate Communications Division, Malaysia Airports*

*For further information on the press release, kindly contact: -*

*Nik Anis Nik Zakaria (General Manager, Corporate Communications) at 019-3350272 / [nikanis@malaysiaairports.com.my](mailto:nikanis@malaysiaairports.com.my)*

*or Ida Rahayu Jamli at 019-2067516/ Naszrien Nasir at 017-4439431/ Shahreen Rahim at 012-9436217*

*or email: [mahbmedia@gmail.com](mailto:mahbmedia@gmail.com)*

*Follow us on Twitter @MY\_Airports*